

Serangan seksual terhadap anak tiri, hukuman penjara 18 tahun lelaki kini dijalankan serentak

KUCHING: Mahkamah Tinggi di sini, semalam membenarkan sebahagian rayuan seorang lelaki yang melakukan serangan seksual terhadap anak tirinya berusia 13 tahun apabila mengarahkan ketiga-tiga hukuman penjara terhadapnya dijalankan secara serentak, sekali gus menjadikan tempoh pemenjarannya 18 tahun berbanding 54 tahun.

Lelaki berusia 54 tahun itu sebelum ini dijatuhi hukuman penjara 54 tahun dan 24 sebatan oleh Mahkamah Sesyen Kuching pada 31 Oktober 2025.

Mahkamah Sesyen menjatuhkan hukuman penjara 18 tahun bagi setiap satu pertuduhan dihadapinya dan memerintahkan semua hukuman penjara itu dijalankan secara berturutan.

Hukuman itu dijatuhkan terhadapnya selepas dia mengaku bersalah terhadap tiga pertuduhan, semuanya dibuat mengikut Subseksyen 14(a) Akta Kesalahan Sek-



BINCANG: Tertuduh (kiri) bercakap dengan peguamnya Voon (kanan) selepas selesai prosiding kes di Mahkamah Tinggi, Kuching semalam.

sual Terhadap Kanak-Kanak (SOACA) 2017 yang dibaca bersama Seksyen 16(1) akta sama.

Hakim Wong Siong Tung semalam mengekalkan hukuman penjara 18 tahun bagi setiap pertuduhan dihadapinya, namun mengarahkan ketiga-tiga hukuman penjara itu di-

jalankan secara serentak dan bukannya berturutan seperti yang diputuskan Mahkamah Sesyen sebelum ini.

Beliau juga menetapkan hukuman dua sebatan bagi setiap pertuduhan dihadapinya, menjadikan keseluruhannya enam sebatan.

Ketika menjatuhkan hu-

kuman, Wong mengekalkan perintah supaya tertuduh menjalani kaunseling pemulihan sepanjang tempoh pemenjaraan dan diletakkan di bawah pengawasan polis selama dua tahun selepas selesai menjalani hukuman.

Dalam penghakimannya, Wong antara lainnya berpendapat kesalahan itu melibatkan mangsa, lokasi dan perlakuan sama serta dilakukan dalam tempoh tiga hari berturut-turut yang saling berkait rapat.

Beliau turut mengambil kira umur perayu yang berusia 53 tahun ketika dijatuhi hukuman.

Justeru menurutnya, jika hukuman penjara selama 54 tahun itu dijalankan secara berturutan, perayu hanya akan menamatkan tempoh pemenjarannya selepas berusia lebih 100 tahun, sekali gus menjadikan hukuman tersebut keterlaluan dan tidak seimbang.

Mengikut kesemua pertuduhan, bapa tiri itu didakwa

melakukan kesalahan itu terhadap remaja perempuan tersebut pada 4, 5 dan 6 Oktober 2025, sekitar jam 10 malam, di dalam sebuah bilik di sebuah rumah di Bau.

Berdasarkan fakta kes, mangsa membuat laporan polis mendakwa bapa tirinya telah meraba payudara dan bahagian sulitnya.

Difahamkan, lelaki itu telah melakukan penderaan seksual terhadap mangsa sejak dia berusia lapan tahun.

Polis seterusnya menahan tertuduh pada 25 Oktober 2025.

Hasil siasatan mendapati dalam tempoh tiga hari kejadian, ketika mangsa berada di biliknya sekitar jam 10 malam, tertuduh telah masuk dan melakukan serangan seksual dengan menyentuh bahagian dada dan kemaluan mangsa.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Nor Azhari Yusof sementara tertuduh diwakili peguam Patrick Voon.